

DALAM PERKARA MAHKAMAH MAJISTRET DI KUALA SELANGOR

DALAM NEGERI SELANGOR, MALAYSIA

WRIT SAMAN NO: BJ-A73KJ-32-03/2023

ANTARA

SHARMILA HANIM BT JAINAL @ ZAINAL

(membawa tuntutan di bawah Seksyen 7,

Akta Undang-Undang Sipil 1956

(disemak 1972 dan dipinda Di bawah Akta 1984)

Sebagai ibu kandung yang sah kepada

Muhammad Syamil Azizi Bin Rosli, Simati)

...PLANTIF

[NO. K/P: 720526145438]

DAN

IBRAR HUSSAIN

[NO. Pasport: UE6897512]

...DEFENDAN PERTAMA

MOHD ISMAIL BIN M. ALLAPITCHAY

[NO. K/P: 560116075481]

...DEFENDAN KEDUA

ALASAN PENGHAKIMAN



S/N uqzm6EIYUEqDpFsB09itow

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

MUKKADIMAH

[1] Ini adalah alasan penghakiman terhadap keputusan Mahkamah ini yang telah menolak tuntutan Plantif dengan kos mengikut skala pada 28.8.2024. Notis rayuan difailkan pada 4.9.2024 oleh Plantif terhadap keseluruhan keputusan Majistret.

A. LIABILITY

[2] Versi Plantif yang dibentangkan melalui pernyataan tuntutan adalah pada 20.12.2020 jam 3.15 petang Plantif (simati) sedang menunggang motorsikal no. pendaftaran BLN 6065 di sepanjang KM 12 Jalan Kuala Selangor-Rawang berlaku kemalangan apabila Defendan (1) secara cuai menunggang motorsikal no. pendaftaran WUR 3460 di sepanjang jalan tersebut secara tiba-tiba dan tanpa amaran membiarkan motorsikalnya berlanggar dengan motorsikal yang ditunggangi oleh simati.

[3] Versi Defendan (1) yang dibentangkan adalah semasa beliau sedang menunggang motorsikal no. pendaftaran WUR 3460 dari Bestari Jaya menuju ke Kuala Selangor beliau mendapati terdapat 2 buah motorsikal yang ditunggangi dengan laju dari arah belakang di mana secara tiba-tiba sebuah motorsikal no. pendaftar BLN 6065 yang ditunggangi Plantif (simati) telah melanggar motorsikal Defendan (1) dari arah belakang.

[4] Tiada keterangan saksi mata di tempat kejadian ditampilkan di Mahkamah ini walaupun SP1 melalui keterangannya di Mahkamah mengesahkan berkenaan kewujudan saksi mata di tempat kejadian bernama Mohd Haikal Bin Hafizi . Sesungguhnya kini, Mahkamah bergantung kepada keterangan saksi bebas seperti Pegawai Penyiasat (SP1) dan Pemeriksa Puspakom (SP3) di samping keterangan senyap seperti gambar tempat kejadian, gambar kenderaan, laporan puspakom, rajah kasar dan laporan polis.

[5] Prinsip undang-undang mantap menyatakan bahawa beban pembuktian kecuai pada tahap imbalan kebarangkalian adalah di atas bahu plantif terlebih dahulu atas imbalan kebarangkalian sepertimana kehendak **Seksyen 101 Akta Keterangan 1950**. Prinsip ini juga telah ditegaskan dalam kes **WONG THIN YIT V. MOHAMAD ALI [1971] 2 MLJ 175** yang memutuskan seperti berikut:

In a negligence action, the onus of proof rests wholly on the plaintiff, whether or not the defendant gives evidence and the plaintiff cannot succeed without proof of the defendant's negligence.

[6] Selanjutnya, panduan dalam menentukan dua versi yang berbeza dan dalam menentukan versi mana satu yang lebih berkemungkinan (inherently probable) telah dinyatakan di dalam kes **NOORANTI ZAINOL ABIDIN & ORS V. TANG LEI NGE [1990] 2**



S/N uqzm6EIYUEqDpFsB09itow

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

MLJ 242. Mahkamah Rayuan dalam **KES AHMAD ZULFENDI ANUAR V. MOHD SHAHRIL ABDUL RAHMAN [2022] 9 CLJ 307** telah mengikuti prinsip yang diputuskan dalam kes **Noorianti** (*supra*) seperti berikut:

[17] We are mindful that this is consistent with the principle pronounced in the case of Noorianti Zainol Abidin & Ors v. Tang Lei Nge [1990] 1 CLJ 943; [1990] 2 CLJ (Rep) 545, where the High Court held that the court should not approach the case on the basis of deciding which of the conflicting versions ought to be believed - but rather to evaluate which account was inherently probable or improbable.

[7] Mahkamah mendapati wujud 2 versi yang bertentangan berkenaan bagaimana kemalangan berlaku. Maka, bagi menentukan versi yang lebih berkemungkinan (*inherently probable*) mahkamah perlu mengambil kira versi tersebut berdasarkan versi yang diplidkan yang mana keterangan - keterangan seperti gambar tempat kejadian, rajah kasar, sukatan tempat kemalangan dan kerosakan kenderaan yang terlibat boleh digunakan sebagai petunjuk dan panduan bagi menguji keterangan pihak-pihak.

ANALISA & DAPATAN MAHKAMAH

[8] Bersandarkan kepada keterangan dan eksibit yang dikemukakan, adalah jelas bahawa Plantif gagal membuktikan bahawa kemalangan yang berlaku terjadi akibat kecuaiannya Defendan (1). Sepanjang kes Plantif berlansung, seramai 3 saksi iaitu Pegawai Penyiasat (SP1), Ibu Plantif (SP2) dan Pemeriksa Puspakom (SP3) telah dipanggil memberikan keterangan. Manakala sepanjang kes Defendan berlansung hanya Defendan (1) sahaja ditampilkan sebagai saksi (SD1).

Lokasi Pertembungan dan Kerosakan Kenderaan

[9] Semua pihak sedia maklum, dalam kes ini versi Plantif hanya sebenarnya boleh dibentangkan melalui keterangan SP1 (IO) yang telah selesai menjalankan penyiasatan kerana Plantif telah meninggal dunia. Oleh yang demikian, SP1 telah hadir ke tempat kemalangan pada jam lebih kurang 3 lebih petang pada hari yang sama kemalangan berlaku. SP1 telah menyediakan rajah kasar lokasi kemalangan – P2 & P2 (k) yang menjelaskan bahawa arah perjalanan kedua-dua motorsikal yang terlibat adalah dari atas ke bawah iaitu dari Bestari Jaya menuju ke Kuala Selangor di mana kemalangan telah berlaku di lorang A2-A3. Semasa pemeriksaan balas SP1 menceritakan bagaimanakah kemalangan berlaku hasil siasatan beliau diperturunkan seperti berikut:



S/N uqzm6EIYUEqDpFsB09itow

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

s	Mengikut siasatan tuan, terangkan cara kemalangan ini berlaku
j	Cara kemalangan berlaku adalah apabila motosikal yang ditunggang oleh si mati telah melanggar bahagian belakang motosikal yang ditunggang oleh defendan

[10] Malahan itu, keterangan SP1 adalah disokong dengan gambar -P3 m/s 16 Ikatan B yang menunjukkan bahawa motor mengalami kerosakan di bahagian belakang akibat dilanggar oleh motorsikal yang ditunggangi simati. Beliau juga mengesahkan bahawa kotak ais krim merujuk kepada gambar -P3 m/s 20 Ikatan B yang dibawa bersama dengan motorsikal Defendan (1) di bahagian belakang mengalami keremukan atau kemek. Keterangan SP3 yang merupakan Pemeriksa Puspakom mengesahkan kerosakan utama motorsikal Plantif adalah di bahagian hadapan.

[11] Tambahan itu, Mahkamah mendapati kerosakan motorsikal simati adalah seperti cover set hadapan dan sisi motorsikal pecah, lampu hadapan pecah dan mudguard hadapan pecah. Kerosakan -kerosakan motorsikal Plantif ini jelas berpadanan dengan gambar motorsikal Plantif -P3 di m/s 18-19 Ikatan B dan Laporan Puspakom – P8(a). Manakala kerosakan -kerosakan motorsikal Defendan adalah tertumpu di bahagian belakang iaitu seperti besi barrier belakang bengkok, kesemua lampu belakang pecah dan mudguard belakang patah seperti yang dinyatakan dalam Laporan Puspakom – P8(b). Ianya juga berpadanan dengan kerosakan yang dinyatakan dalam laporan polis Defendan- D3 dan keterangannya di Mahkamah. Keterangan-keterangan ini pada pendapat Mahkamah jelas menunjukkan hasil siasatan SP1 adalah tepat dan boleh dipercayai berkenaan bagaimana kemalangan ini terjadi.

[12] Selanjutnya, Mahkamah mendapati berdasarkan rajah kasar tandaan B1 dan B2 di lorong A2-A3 adalah kesan hitam atas jalan yang berkemungkinan minyak daripada kenderaan yang terlibat kemalangan dan rujukan silang kepada gambar P3 di m/s 15 Ikatan B. Berdekatan dengan tandaan B tersebut adalah tandaan D yang merupakan pecahan kenderaan yang disyaki dari kenderaan yang terlibat. Berdasarkan keterangan-keterangan di atas, Mahkamah berpendapat titik pertembungan bagi kedua-dua motorsikal ini terjadi di tandaan D yang mana kesan pertembungan menyebabkan kesan minyak hitam atas jalan dan serpihan pecahan kenderaan.

[13] Dalam hal ini, mahkamah merujuk **KES NG AIK KIAN & ANOR V. SIA LOH SIA [1997] 2 CLJ** seperti berikut:

It is now well known that the position of the broken pieces of broken glass would show the point of impact or the ultimate resting place of the vehicle after impact. Past decision have shown that if broken pieces of glass from the headlamp of a vehicle are found scattered at a



S/N uqzm6EIYUEqDpFsB09itow

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

spot, then that point would be the point of impact for the simple reason that the broken pieces of glass from the headlamp would normally fall at the point of impact.

Oleh yang demikian, Mahkamah mendapati versi yang dikemukakan oleh Defendan merujuk kepada Penyata Saksi – D9 disokong dengan Laporan Polis Defendan (1) – D3 adalah amat berkemungkinan terjadi di samping ianya selari dengan hasil siasatan yang dikemukakan oleh SP1.

[14] Terdapat beberapa fakta keterangan yang dikemukakan oleh SP1 hasil penyiasatan beliau. Semasa pemeriksaan utama, beliau memaklumkan bahawa simati semasa kemalangan berlaku, sedang berlumba di jalan tersebut berdasarkan hasil rakaman percakapan yang dibuat dengan seorang saksi mata iaitu Mohd Haikal Hafizi di tempat kejadian yang merupakan kawan kepada simati di mana penama ini menyatakan beliau menunggang motorsikalnya di belakang motorsikal yang ditunggangi simati. Berpanduan kepada kerosakan dan keadaan fizikal motorsikal simati (ekzos diubah suai) rujukan silang kepada gambar motorsikal Plantif -P3 di m/s 18-19 Ikatan B dan Laporan Puspakom – P8(a) dan fakta berkenaan hasil siasatan SP1 jelas membawa kepada inferens bahawa motorsikal yang ditunggangi simati boleh digunakan untuk perlumbaan yang memberi inferens bahawa motosikal simati ditunggang dengan laju.

[15] Mahkamah ini mengambil maklum bahawa rakaman percakapan tersebut bukan satu bukti yang boleh dikemukakan di Mahkamah melainkan saksi ini dipanggil hadir sebagai saksi di Mahkamah. Sepanjang kes Plantif berlansung, penama ini tidak dipanggil oleh peguamcara Plantif tanpa sebarang alasan dikemukakan. Atas kegagalan ini, Mahkamah ini membuat satu inferens bertentangan di bawah **Seksyen 114 (g) Akta Keterangan 1950**. Mahkamah berpendapat saksi mata tersebut amat material kerana beliau menyaksikan apa yang berlaku dan mengesahkan keterangan yang diberikannya semasa siasatan SP1. Malah tanpa keterangan melalui saksi ini ia sama sekali menjejaskan kebolehterimaan versi Plantif melalui penyataan tuntutan.

[16] Mahkamah berpendapat kemalangan tersebut tidak akan terjadi sekiranya simati tidak cuai, tidak mencipta situasi berbahaya seperti tidak berlumba di jalan raya dan menumpukan sepenuh perhatian di hadapan semasa melalui laluan terus A2-A3. Motorsikal Plantif telah bertindak melanggar belakang motorsikal yang ditunggangi Defendan (1) di mana jelas Defendan (1) tiada peluang untuk mengelak kemalangan daripada terjadi. Dalam keadaan dua versi bercanggah, mahkamah mengambil pendekatan bahawa versi yang lebih berkemungkinan adalah berpihak kepada defendan. Maka bagi isu liabiliti, mahkamah menolak tuntutan plantif dengan kos dan Plantif adalah bertanggung 100% liabiliti.



B. Kuantum (atas dasar 100%)

(i) Gantirugi Am – TIADA

(ii) Gantirugi Khas

[17] Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa plantif perlu membuktikan dengan ketat apa jua ganti rugi khas yang dituntut. Mahkamah merujuk kepada kes Inggeris tersohor *BONHAM CARTER V. HYDE PARK HOTEL* [1948] WN 89 yang acapkali telah dirujuk oleh mahkamah-mahkamah tertinggi mahupun mahkamah-mahkamah rendah di Malaysia yang memutuskan bahawa:

Plaintiff must understand that if they bring actions for damages it is for them to prove their damages; it is not enough to write down the particulars, and so to speak, throw them at the head of the court, saying, "This is what I have lost, I ask you to give me these damages". They have to prove it.

[18] Berpandukan kepada otoriti tersebut, berikut adalah gantirugi khas yang dibenarkan:

PEKARA	JUMLAH (RM)
a) Carian JPJ	10.00
b) Dokumen Polis	64.00
c) Laporan Bedah Siasat	40.00
d) Perbelanjaan Pengkebumian	5,000.00
-Rujukan: AZNUM ABDUL RAHMAN V. GHAZALI AHMAD & ANOR [2021] 9 CLJ 121:	
<i>[36]...However, judicial notice could be taken of such expenses which is necessarily incurred with the passing on of both the victims, pursuant to s. 56 EA. It was decided by the Federal Court in the case of Pang Ah Chee (M.W.) v. Chong Kwee Sang [1985] 2 CLJ 221; [1985] CLJ (Rep) 236; [1985] 1 MLJ 153, that under s. 56 EA, the court may also take judicial</i>	



S/N uqzm6EIYUEqDpFsB09itow

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

<i>notice of matters which are of common and general knowledge. This would include situation in the present case that both victims who are Muslims had passed on due to the accident and definitely there would have been a Muslim funeral for which their respective families, with the first and second plaintiffs as dependants, incurred expenses to bear the funeral expenses. The claim for funeral expenses is thus allowed pursuant to s. 7(3)(ii) of Act 67.</i>	
e) Kesedihan -Kemalangan berlaku pada 20.12.2020 di mana selepas pindaan pada Seksyen 7 Akta Undan-Undang Sivil 1956. Mahkamah membenarkan awad ini berdasarkan Seksyen 7(3A) dan 7(3B) Akta tersebut.	30,000.00
JUMLAH KESELURUHAN	RM 35,114.00

C. Faedah & Kos

[19] Mahkamah merujuk kepada Aturan 42 Kaedah 12A KKM 2012 yang mana kecuali yang dipersetujui pihak-pihak, kadar faedah bagi awad mahkamah ditentukan oleh YAA Ketua Hakim Negara yang mana menurut Arahan Amalan Bil. 1 Tahun 2012 iaitu kadar faedah yang ditetapkan adalah sebanyak 5% setahun yang berkuat kuasa bermula 1 Ogos 2012. Berikut adalah faedah yang dibenarkan:

(i) faedah pada kadar 2.5% setahun atas ganti rugi khas yang dikira dari tarikh kemalangan hingga tarikh penghakiman;

(ii) faedah pada kadar 5% atas jumlah penghakiman dari tarikh penghakiman hingga tarikh penyelesaian penuh;

Seterusnya kos mengikut skala di mana kos perlu dibayar Plantif kepada Defendan-Defendan.



S/N uqzm6EIYUEqDpFsB09itow

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

Bertarikh pada 5.9.2024

Disediakan oleh:



SITI HAJAR BINTI ALI

Majistret

Mahkamah Majistret Kuala Selangor

Pegumcara Plantif --- Kanagarajah & Co.

Pegumcara Defendan Pertama & Kedua --- SG Lingam & Co.



S/N uqzm6EIYUEqDpFsB09itow

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal